

**Mahukan Hadi Jadi PM Cermin Sikap Berebut-rebut Pembangkang - Mahathir Bernama**  
**20 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Hasrat PAS yang mahu presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang menjadi perdana menteri sekiranya cita-cita pakatan pembangkang memerintah tercapai, menunjukkan sikap berebut-rebut sesama mereka.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad secara sinis berkata jawatan itu patut diberi kepada Pengerusi DAP Karpal Singh.

"Belum jadi kerajaan sudah berebut-rebut, esok (kalau) dah jadi kerajaan bukan saja Hadi, Anwar (Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim) malah Karpal Singh pun nak jadi PM juga.

"Bagilah kepada dia. Teruk, lama dia berjuang... patut bagi Karpal Singh (jadi) perdana menteri Malaysia, yang amat terhormat... bila pencen dapat Tun," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Bantuan Kecemasan Gaza di sini Selasa.

Dr Mahathir yang juga presiden Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF) mengulas pendirian perwakilan Muktamar PAS ke-58 baru-baru ini yang mahu Abdul Hadi menjadi perdana menteri sekiranya kemenangan berpihak kepada pakatan pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710130>